


BAB 2 : PENDAPATAN DAN PENGGUNAAN PENDAPATAN INDIVIDU

2.1 PEMILIHAN PEKERJAAN

Jenis-jenis Pekerjaan Dalam Sektor Ekonomi



FAKTOR-FAKTOR PEMILIHAN PEKERJAAN

- (i) **Upah wang**
 - pembayaran yang dibuat oleh firma kepada pekerja atas sumbangannya
 - jumlah upah bergantung kepada :
 - (a) pengalaman
 - (b) jenis pekerjaan
 - (c) tanggungjawab

- (ii) **Faedah sampingan**
 - seperti bonus, cuti tahunan, tempat tinggal, kereta, kemudahan perubatan, rekreasi, perumahan dsb.

- (iii) **Faktor-faktor lain**
 - (a) **Suasana tempat kerja**
 - merujuk kepada keselamatan dan keselesaan ditempat kerja
 - kerja-kerja bahaya seperti mengecat bangunan tinggi, terdedah kepada bahan kimia dan beracun kurang disukai
 - kerja-kerja dalam hawa dingin lebih dipilih

 - (b) **Minat**
 - pilih pekerjaan yang disukai dan dapat memberi kepuasan diri

 - (c) **Pengaruh keluarga/rakan sebaya**
 - selaras dengan tradisi dalam keluarga
 - Contoh : Jika bapanya seorang polis, anaknya juga ingin menjadi polis

 - (d) **Prospek pekerjaan**
 - pekerjaan yang menyediakan peluang menjalani kursus, latihan dan melanjutkan pelajaran serta peluang kenaikan pangkat yang cerah/mudah

 - (e) **Pengalaman dan kemahiran**
 - kebolehan dan kemahiran yang ada pada seseorang
 - dapat memberi pengalaman yang berfaedah

 - (f) **Kelayakan Akademik**
 - terdapat jawatan yang memerlukan kelayakan/sijil tertentu

 - (g) **Kedadaan ekonomi semasa**
 - semasa ekonomi kukuh, banyak peluang pekerjaan yang ditawarkan maka individu boleh memilih pekerjaan
 - semasa kemelesetan ekonomi, ramai pekerja dibuang kerja/tidak boleh pilih pekerjaan

 - (h) **Jarak**
 - pilih pekerjaan yang berdekatan dengan tempat tinggalnya

 - (i) **Waktu bekerja**
 - kerja ikut waktu pejabat


JADUAL PERBANDINGAN PELUANG KERJAYA DAN PEKERJAAN MENGIKUT SEKTOR

Faktor	Sektor Utama	Sektor Kedua	Sektor Ketiga
Upah wang	<ul style="list-style-type: none"> ○ Untuk pekerja ladang, biasanya diberi gaji harian ○ Gaji utk jawatan tinggi spt. pengurus ladang biasanya lebih rendah daripada pengurus di sektor lain 	<ul style="list-style-type: none"> ○ Pekerja kilang biasanya dibayar gaji bulanan ○ Pengurus kilang menerima gaji yang lebih tinggi drp pengurus di sektor utama ○ Pekerja spt. buruh binaan mungkin menerima gaji harian 	<ul style="list-style-type: none"> ○ Banyak pelayan bekerja separuh masa dan dibayar gaji mengikut jam ○ Pengurus kewangan biasanya terima gaji lebih tinggi drp. pengurus sektor lain
Faedah sampingan	<ul style="list-style-type: none"> ○ Faedah sampingan yang diterima terhad. Contoh petani dan nelayan tiada faedah sampingan 	<ul style="list-style-type: none"> ○ Terdapat banyak faedah sampingan utk. pekerja spt. kemudahan pengangkutan, elaun makan, faedah perubatan, pakaian dan bonus 	<ul style="list-style-type: none"> ○ Terdapat banyak faedah sampingan spt. elaun khidmat awam, elaun rumah, pinjaman perumahan, cuti tahunan, bonus dan latihan
Suasana tempat kerja	<ul style="list-style-type: none"> ○ Bekerja ditempat terbuka ○ Tiada ciri keselesaan 	<ul style="list-style-type: none"> ○ Merangkumi pekerjaan diletakkan ditempat terbuka spt. tapak binaan dan berhawa dingin spt. kilang elektronik dan pejabat 	<ul style="list-style-type: none"> ○ Biasanya di kawasan tertutup dan selesa
Prospek pekerjaan	<ul style="list-style-type: none"> ○ Prospek terhad 	<ul style="list-style-type: none"> ○ Prospek sederhana bagi jawatan yang rendah ○ Cerah bagi jawatan yang tinggi 	<ul style="list-style-type: none"> ○ Prospek dapat diperbaiki dengan mengikuti kursus dan latihan atau melanjutkan pelajaran
Pengaruh keluarga	<ul style="list-style-type: none"> ○ Pengaruh keluarga adalah tinggi 	<ul style="list-style-type: none"> ○ Tidak berperanan 	<ul style="list-style-type: none"> ○ Pengaruh keluarga adalah tinggi ○ Misalnya pekerjaa spt. doktor, guru, polis dll
Pengalaman dan kemahiran	<ul style="list-style-type: none"> ○ Tidak memerlukan pengalaman dan kemahiran yang tinggi 	<ul style="list-style-type: none"> ○ Memerlukan poengalaman dan kemahiran 	<ul style="list-style-type: none"> ○ Memerlukan pengalaman dan kemahiran
Kelayakan akademik	<ul style="list-style-type: none"> ○ Tidak diperlukan bagi pekerjaan spt petani, pekerja ladang, pembalak, penternak dan nelayan ○ Bagi jawatan tinggi spt. pengurus ladang dan jurutera petroleum, kelayakan akademik diperlukan 	<ul style="list-style-type: none"> ○ Untuk jawatan rendah sekurang-kurangnya kelayakan di peringkat sekolah menengah diperlukan ○ Bagi jawatan tinggi perlukan kelayakan di peringkat kolej atau universiti 	<ul style="list-style-type: none"> ○ Untuk jawatan rendah sekurang-kurangnya kelayakan di peringkat sekolah menengah diperlukan ○ Bagi jawatan tinggi perlukan kelayakan di peringkat kolej atau universiti

2.2 PENDAPATAN INDIVIDU

Maksud

- jumlah pendapatan faktor yang produktif dan dan pendapatan faktor yang tidak produktif



$$\text{PENDAPATAN INDIVIDU} = \text{UPAH} + \text{SEWA} + \text{FAEDAH} + \text{UNTUNG} + \text{DIVIDEN} + \text{BAYARAN PINDAHAN}$$

Jenis- Jenis Pendapatan

(a) **Upah/Gaji**

- ganjaran yang dibayar kepada buruh atas sumbangan tenaga secara fizikal dan mental mereka dalam proses pengeluaran
- faktor-faktor yang menyebabkan perbezaan upah antara individu ialah :
 - Perbezaan jumlah masa bekerja
 - Perbezaan pengalaman dan kelayakan akademik
 - Kemahiran pekerja
 - Produktiviti pekerja
 - Permintaan dan penawaran jenis pekerjaan
 - Kekuatan kesatuan sekerja
 - Diskriminasi
- jumlah upah yang diterima merangkumi upah tetap(gaji pokok), elaun, komisen dan bonus
- upah dibayar mengikut :-
 - tempoh masa bekerja
Contoh : 1 jam = RM5.00
1 hari - RM25
 - kuantiti output/keluaran yang dihasilkan
Contoh : RM4 sehelai
RM2 sebungkus

- terdapat dua jenis upah iaitu :
 - (i) *upah wang* - atau upah nominal
 - upah yang diterima oleh seseorang pekerja pada suatu tempoh masa tertentu
 - (ii) *upah benar* - merujuk kepada kuasa beli upah wang
 - iaitu kemampuan seseorang individu menggunakan upah wangnya untuk membeli barang dan perkhidmatan

$$\text{UPAH BENAR} = \frac{\text{UPAH WANG}}{\text{HARGA PURATA BARANG}}$$

Contoh : Gaji Encik Tan RM 2 300 sebulan. Harga petrol pada tahun 2000 ialah RM1.00 seliter. Menjelang tahun 2001, harga petrol meningkat kepada RM1.10 seliter. Kira upah benar.

Upah benar Encik Tan bagi tahun 2000 :-

$$\frac{\text{RM2 300}}{\text{RM1.00}} = 2300 \text{ liter petrol}$$

Upah benar Encik Tan bagi tahun 2001 :-

$$\frac{\text{RM2 300}}{\text{RM1.10}} = 2070 \text{ liter petrol}$$

Kesimpulan : Apabila upah wang tidak meningkat tetapi harga petrol meningkat maka upah benar akan jatuh.

(b) **Sewa**

- ganjaran yang diterima oleh pemilik harta kerana memberi hak penggunaan harta berkenaan kepada orang lain yang penawarannya terhad
- contoh : tanah, rumah, bangunan, dusun

(c) **Faedah**

- ganjaran yang diterima oleh pemilik modal wang kerana kesanggupan menanggungkan perbelanjaannya pada masa sekarang
- ia juga sanggup menghadapi risiko di mana jik ia memberi pinjaman, mungkin menghadapi risiko peminjam tidak bayar balik wang pinjaman tersebut.

$$\text{FAEDAH} = \text{JUMLAH WANG} \times \text{KADAR FAEDAH} \times \text{TEMPOH SIMPANAN (TAHUN)} \\ \text{YG. DISIMPAN}$$

Contoh : Encik Hasidin menyimpan RM10 00 dalam akaun simpanan di sebuah bank selama 9 bulan. Kadar faedahnya ialah 5% setahun. Kirakan faedah yang akan diterimanya selepas tempoh 9 bulan.

FAEDAH YG AKAN DITERIMA IALAH :-

$$\text{RM10 000} \times \frac{5}{100} \times \frac{9}{12} = \text{RM375}$$

(d) **Untung**

- ganjaran yang diterima oleh usahawan kerana menggabungkan faktor-faktor pengeluaran
- ini kerana kesanggupannya menanggung risiko dan ketidakpastian perniagaan.

$$\text{UNTUNG} = \text{JUMLAH HASIL} - \text{JUMLAH KOS}$$

Contoh : Puan Juita merupakan pengeluar jam tangan. Dalam tempoh sebulan, beliau dapat menjual sebanyak 800 unit jam tangan. Jam tangan itu dijual dengan harga RM20 seunit.

Kos-kosnya seperti berikut :-

Upah pekerja	RM3 000
Bahan	RM2 000
Elektrik	RM 800
Sewa	RM 900
Faedah atas pinjaman	RM 200


$$\begin{aligned} \text{UNTUNG} &= \text{JUMLAH HASIL} - \text{JUMLAH KOS} \\ &= (\text{RM}20 \times 800) - (\text{RM} 3\ 000 + \text{RM}2\ 000 + \text{RM}800 + \text{RM}900 + \text{RM}200) \\ &= \text{RM}16\ 000 - \text{RM}6\ 900 \\ &= \text{RM}9\ 100 \end{aligned}$$

(e) **bayaran pindahan**

- pendapatan/wang yang diterima oleh individu tanpa menyumbangkan apa-apa terhadap proses pengeluaran dalam ekonomi.
- contoh : bayaran pencen, biasiswa, elaun, subsidi, bantuan kerajaan dll

(f) **Dividen**

- sebahagian drp pendapatan syarikat yang diagihkan kepada pemegang-pemegang sahamnya bagi setiap unit saham yang dimiliki

Sumber Pendapatan Individu**2.3 PENDAPATAN BOLEH GUNA (Y_d)**

Maksud :- Sejumlah pendapatan yang tinggal selepas mengambil kira potongan-potongan wajib

$$\text{Pendapatan Boleh Guna} = \text{Jumlah Pendapatan} - \text{Potongan Wajib}$$

$$\text{Pendapatan Boleh} = \text{Jumlah Pendapatan} - \text{KWSP} - \text{Zakat} - \text{Cukai pendapatan} - \text{Perkeso Guna(PBG)}$$

$$\text{PENDAPATAN BOLEH GUNA} = \text{PERBELANJAAN PENGGUNAAN} + \text{TABUNGAN}$$

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

- satu bentuk simpanan wajib yang dilindungi oleh kerajaan
- simpanan hari tua
- semua pekerja diwajibkan mencarum kecuali :-
 - kakitangan kerajaan yang telah memasuki skim pencen
 - mereka yang bekerja sendiri
 - pekerja yang telah bersara
- objektif : Menyediakan perlindungan kewangan kepada individu yang telah bersara atau hilang keupayaan untuk bekerja.
- kadar caruman ialah 23% iaitu 12% majikan dan 11% pekerja
- mulai 1 April 2001 - 31 Mac 2002, caruman dikurangkan kepada 11% dan 9%.

- terdapat 3 akaun iaitu :
 - (i) Akaun 1 - 60%
 - hanya boleh dikeluarkan apabila pencarum berumur 55 tahun
 - (ii) Akaun 2 - 30%
 - hanya boleh dikeluarkan untuk pencarum membeli rumah, pendidikan anak-anak, membeli komputer peribadi dan persiapan persaraan
 - (iii) Akaun 3 - 10%
 - hanya boleh dikeluarkan untuk pencarum membuat kos rawatan hospital

Contoh Pengiraan Caruman untuk KWSP

Andaikan Encik Jaya menerima gaji sebanyak RM3 000 sebulan. Kadar caruman KWSP Encik Jaya ialah 11% dan caruman oleh majikan sebanyak 12%. Kirakan :

- (i) caruman oleh pekerja
 - (ii) caruman oleh majikan.
 - (iii) caruman Encik Jaya dalam setahun
- (i) Caruman daripada pekerja :
= $RM3\ 000 \times 11\% = RM330$
 - (ii) Caruman daripada majikan :-
= $RM3\ 000 \times 12\% = RM360$
 - (iii) Jumlah caruman setahun
= Jumlah caruman sebulan $\times 12$
= $(RM330 + RM360) \times 12$
= $RM690 \times 12$
= $RM8\ 280$

Zakat

- dikenakan kepada sebahagian daripada harta yang dimiliki untuk diberikan kepada golongan yang tertentu dengan syarat-syarat yang tertentu
- diwajibkan untuk orang Islam sahaja
- tujuannya : -
 - (i) Untuk agihkan sebahagian daripada kekayaan golongan kaya kepada mereka yang miskin
 - (ii) Untuk mengelakkan kegiatan simpanan beku kerana modal tidak digunakan secara produktif
 - (iii) Untuk menstabilkan ekonomi secara automatik tanpa campur tangan kerajaan boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu :-
 - (i) zakat fitrah (maliah) : dibayar dalam bulan Ramadhan dan jumlah ditetapkan oleh Majlis Agama Islam Negeri
 - (ii) zakat harta benda (badaniyah) : dikenakan ke atas harta benda perniagaan dan pendapatan seseorang. Kadarnya 2.5% daripada pendapatan atau harta benda seseorang
- ia juga dapat menyucikan harta/hati dan merapatkan jurang pendapatan
- merupakan rukun Islam ke-4.
- merupakan rebat cukai pendapatan

Contoh Pengiraan Zakat

Encik Latif seorang ahli perniagaan. Setelah genap setahun menjalankan perniagaannya, nilai semua barang perniagaannya adalah sebanyak RM50 000. Selain itu, dia mempunyai deposit dalam bank sebanyak RM20 000, wang tunai RM13 000 serta hutang yang terjamin bayarannya sebanyak RM15 000. Kirakan zakat yang harus dibayar oleh Encik Latif.

Bahan tafsiran

Harga barang perniagaan	RM50 000
Wang dalam bank	RM20 000
Wang tunai	RM13 000
Hutang terjamin bayaran	RM15 000

	RM98 000
	=====

Kadar zakat yang wajib dibayar ialah :-

$$= \text{RM98 000} \times 2.5\%$$

$$= \text{RM2 450}$$

Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)

- untuk memberi perlindungan kepada para pekerja daripada risiko kemalangan semasa bekerja
- member perlindungan kepada pekerja swasta yang bergaji rendah
- Objektifnya :-
 - (i) Untuk menjamin pembayaran faedah kepada pekerja dan tanggungannya apabila berlaku kejadian luar jangka
 - (ii) Untuk mempertingkatkan keselamatan dan kesihatan pekerja
 - (iii) Menyediakan perkhidmatan rawatan perubatan, pemulihan jasmani dan vokasional setiap majikan wajib mendaftarkan pekerjaannya yang bergaji RM2 000 dan ke bawah sebulan di Perkeso.
- jika tidak akan dikenakan denda dalam bentuk faedah iaitu 6% bagi setiap pencarum dengan kadar minimum RM5
- terdapat dua jenis caruman pekerja iaitu :-
 - (i) Caruman oleh pekerja dan majikan untuk Skim Insurans Bencana Pekerjaan dan Skim Pencen Ilat
 - di mana pekerja bayar 0.5% dan majikan 1.25% daripada jumlah gaji bulanan
 - (ii) Caruman yang dibayar oleh majikan sahaja untuk perlindungan di bawah Skim Insurans Bencana Pekerjaan
 - kadar caruman 1.25%
 - hanya untuk pekerja yang tidak layak dilindungi di bawah Skim Pencen Ilat

Cukai Pendapatan Perseorangan

- merupakan cukai yang wajib dibayar oleh semua individu yang mempunyai lebih pendapatan melebihi satu tahap yang tertentu
- ia bersifat progresif
- merupakan hasil kerajaan
- Akta Cukai Pendapatan 1967 mewajibkan setiap individu yang menerima pendapatan membayar cukai sama ada pendapatan dari dalam negara mahupun luar negara.
- tujuannya :-
 - (i) membiayai penyediaan kemudahan awam/membiayai perbelanjaan kerajaan
 - (ii) mengagihkan pendapatan semula dengan cara menggunakan cukai yang diterima daripada golongan yang berpendapatan tinggi untuk membiayai pelbagai projek kebajikan bagi golongan miskin/merapatkan jurang pendapatan
- ia boleh dibayar secara ansuran bulanan melalui dkm Potongan Cukai Berjadual atau PCB.
- terdapat pelbagai jenis pelepasan sebelum pendapatan individu dicukai iaitu :-

Jenis Pelepasan	RM
Diri/Individu	8 000
Isteri	3 000
Anak-anak tanggungan	800 seorang
Perubatan ibu bapa	5 000
Caruman KWSP dan insurans nyawa	5 000
Insurans Pendidikan dan Perubatan	3 000
Komputer Peribadi	400(rebat)

Contoh Pengiraan Pelepasan Cukai

Encik Goh mempunyai seorang isteri yang tidak bekerja dan tiga orang anak yang masih bersekolah. Pendapatan tahunan beliau ialah RM36 000. Daripada jumlah pendapatan itu, beliau mencarum 11% kepada KWSP dan RM500 untuk bayaran premium insurans nyawa. Encik Goh juga membayar kos rawatan bapanya sebanyak RM2 500. Hitungkan jumlah pelepasan cukai Encik Goh.

<u>Pelepasan</u>	<u>RM</u>
Diri	8 000
Isteri	3 000
Anak [3 x RM800]	2 400
Caruman KWSP dan Premium Insurans [11% x RM36 000 + RM500]	4 460
Perubatan bapa	2 500

Jumlah Pelepasan Cukai	20 360
	=====

Pendapatan Boleh Cukai

- jumlah pendapatan selepas ditolak dengan pelepasan cukai

PENDAPATAN BOLEH CUKAI	=	JUMLAH PENDAPATAN	-	PELEPASAN CUKAI
-----------------------------------	----------	------------------------------	----------	----------------------------

Contoh Pengiraan Pendapatan Boleh Cukai

Lanjutan contoh di atas.

Pendapatan tahunan Encik Goh ialah RM36 000 dan jumlah pelepasan cukainya sebanyak RM20 360, hitungkan pendapatan boleh cukainya.

Penyelesaian :

$$\begin{aligned} \text{Pendapatan boleh cukai} &= \text{RM36 000} - \text{RM 20 360} \\ &= \text{RM15 640} \end{aligned}$$

Contoh Pengiraan Cukai Yang Perlu Dibayar

- perlu rujuk kepada jadual yang diberikan.

Kadar cukai yang dikenakan oleh kerajaan seperti berikut :

Pendapatan Bercukai	Kadar(%)	Cukai (RM)
RM2 500 pertama	0	0
RM2 500 berikut	1	25
RM5 000 pertama		25
RM5 000 berikut	3	150
RM10 000 pertama		175
RM10 000 berikut	5	500
RM20 000 pertama		675
RM15 000 berikut	9	1 350
RM35 000 pertama		2 025
RM15 000 berikut	15	2 250
RM50 000 pertama		4 275
RM20 000 berikut	20	4 000
RM70 000 pertama		8 275
RM30 000 berikut	25	7 500
RM100 000 pertama		15 775
RM50 000 berikut	28	14 000
RM150 000 pertama		29 775
RM150 000 berikut	29	43 500

(Sumber : Lembaga Hasil Dalam Negeri , 2002)

Jika pendapatan boleh cukainya RM15 640, hitungkan cukai yang perlu dibayar

RM2 500	X	0%	=	RM 0
RM2 500	X	1%	=	RM 25.00
RM5 00	X	3%	=	RM250.00
RM5640	X	5%	=	<u>RM282.00</u>
				<u>RM557.00</u>
				=====

Contoh Soalan Pengiraan Pendapatan Boleh Guna

Encik Ghani mempunyai seorang isteri dan empat orang anak. Kesemua anaknya masih lagi bersekolah. Gaji tahunan Encik Ghani ialah RM48 000. Daripada jumlah itu, beliau telah mencarum 11% ke dalam KWSP dan RM1 200 untuk premium insurans nyawa. Encik Ghani juga menanggung kos perubatan bapanya sebanyak RM1 800. Beliau membeli polisi insurans pendidikan untuk anak-anaknya sebanyak RM2 400 dan membeli komputer peribadi berharga RM2 400 sebuah.

Kadar cukai yang dikenakan oleh kerajaan seperti berikut :

Pendapatan Bercukai	Kadar(%)	Cukai (RM)
RM2 500 pertama	0	0
RM2 500 berikut	1	25
RM5 000 pertama		25
RM5 000 berikut	3	150
RM10 000 pertama		175
RM10 000 berikut	5	500
RM20 000 pertama		675
RM15 000 berikut	9	1 350
RM35 000 pertama		2 025
RM15 000 berikut	15	2 250
RM50 000 pertama		4 275
RM20 000 berikut	20	4 000
RM70 000 pertama		8 275
RM30 000 berikut	25	7 500
RM100 000 pertama		15 775
RM50 000 berikut	28	14 000
RM150 000 pertama		29 775
RM150 000 berikut	29	43 500

(Sumber : Lembaga Hasil DAlam Negeri , 2002)

Hitungkan :

- (a) cukai pendapatan yang perlu dibayar oleh Encik Ghani
- (b) pendapatan boleh guna Encik Ghani.

Cara menjawabnya seperti berikut :

(a) Jumlah cukai pendapatan yang perlu dibayar oleh Encik Ghani ialah :

Item	RM	RM
Jumlah Pendapatan		48 000
Gaji		
Pelepasan Cukai		
Diri	8 000	
Isteri	3 000	
Anak-anak [4 x RM800]	3 200	
KWSP dan Insurans nyawa [11% x RM48 000 + RM1 200 = RM6 480]	5 000	
Kos perubatan bapa	1 800	
Insurans pendidikan	+ 2 400	
		- 23 400
Jumlah Pelepasan Cukai Pendapatan Boleh Cukai		24 600
Pengiraan Cukai		
RM2 500 x 0%	0	
RM2 500 x 1%	25	
RM5 000 x 3%	150	
RM10 000 x 5%	500	
RM4 600 x 9%	+ 414	
	1 089	
Jumlah Cukai Pendapatan		
Tolak rebat komputer peribadi	- 400	
Jumlah Cukai pendapatan yang perlu dibayar	689	

(b) Jumlah pendapatan boleh guna Encik Ghani ialah :

Item	RM	RM
Jumlah Pendapatan		48 000
Tolak Potongan Wajib		
Cukai Pendapatan	689	
Caruman KWSP[11% x RM48 00]	+ 5 280	
Jumlah Potongan Wajib		- 5 969
Jumlah Pendapatan Boleh Guna		42 031

2.4 PENGGUNAAN PENDAPATAN BOLEH GUNA

Keperluan dan Kehendak

Keperluan Individu

- barangan asas yang diperlukan untuk meneruskan kehidupan seperti makanan dan minuman, pakaian dan tempat tinggal
- manusia juga perlu keperluan lain seperti pengangkutan, hiburan, pendidikan, kesihatan dll

Kehendak Individu

- barangan yang bercirikan keselesaan/untuk hidup lebih selesa seperti telefon bimbit, mesin basuh, rumah banglo, kereta mewah dll
- kehendak biasanya tidak terhad kerana selepas satu kehendak dipenuhi akan timbul pula kehendak yang lain.
- ia sukar untuk dipuaskan kesemuanya
- PBG terhad maka tidak semua kehendak dapat diperoleh

Perbezaan antara keperluan dan kehendak

Keperluan	Kehendak
1. Amat penting untuk terus hidup	1. Dikehendaki untuk keselesaan
2. Terhad dan sama bagi semua individu iaitu makanan dan minuman, pakaian dan tempat tinggal	2. Tidak terhad dan sukar untuk dipenuhi kesemuanya
3. Diperlukan oleh semua orang/tiada pilihan	3. Tidak diperlukan oleh semua orang/ ada pilihan
4. Tidak dipengaruhi oleh pendapatan	4. Dipengaruhi oleh pendapatan

Belanjawan Peribadi

- merupakan satu anggaran perbelanjaan berdasarkan anggaran pendapatan yang akan diperoleh individu untuk suatu jangka masa tertentu seperti sebulan/setahun
- merupakan satu garis panduan untuk berbelanja dengan cermat dan bijak
- juga supaya perbelanjaan tidak melebihi pendapatan

Jenis Perbelanjaan Peribadi

- segala kegiatan menggunakan barang dan perkhidmatan untuk memenuhi kepuasan pengguna
- tujuan utama untuk mencapai kepuasan yang maksimum.
- PBG biasa digunakan untuk membeli tiga jenis barang yang utama iaitu :
 - (i) **Membeli Barang Tahan Lama**
 - barang yang mempunyai tempoh penggunaan yang panjang dan biasanya melebihi tempoh setahun
 - biasanya merupakan barang kehendak untuk menyenangkan hidup seperti kereta, rumah, perabot dll
 - (ii) **Membeli barang Tidak Tahan Lama**
 - barang yang mempunyai tempoh penggunaan yang singkat iaitu kurang drp setahun. Biasanya barang keperluan seperti makanan, minuman dll

- (iii) **Perkhidmatan** - terdiri drp:-
 - (a) Perbelanjaan tetap
 - mesti dilakukan setiap bulan seperti sewa rumah, ansuran kereta, bil-bil
 - (b) Perbelanjaan tidak tetap
 - bersifat berubah-ubah dan bergantung kepada keperluan individu dan ahli keluarga
 - pada suatu masa yang tertentu seperti pelancongan, hiburan, kesihatan dll
- (iv) **Tabungan**
 - menyimpan wang di bank perdagangan/institusi kewangan

Langkah-Langkah Menyediakan Belanjawan Peribadi

1. Catatkan jumlah pendapatan keseluruhan.
2. Tolakkan semua potongan wajib
3. Catatkan kesemua perbelanjaan yang hendak dibuat
4. Susun kesemua perbelanjaan mengikut keutamaan
5. Jika anggaran perbelanjaan melebihi jumlah PBG, tangguhkan perbelanjaan kurang penting
6. Tolakkan jumlah pendapatan keseluruhan dengan jumlah perbelanjaan keseluruhan (untuk tabungan)

Kepentingan Belanjawan Peribadi

- (a) Mengelakkan pembaziran
 - beli barang ikut keutamaan/mencapai kepuasan maksimum
- (b) Menggalakkan individu menabung
 - tabungan digunakan untuk perbelanjaan di luar jangka
- (c) Menyelaraskan perbelanjaan dengan pendapatan boleh guna
 - perbelanjaan mengikut kemampuan/tidak melebihi pendapatan
- (d) Membantu mengelakkan inflasi
 - peningkatan permintaan lebih terkawal
- (e) Membantu mengelakkan amalan berhutang
 - beli barang dan perkhidmatan berdasarkan kemampuan

Contoh Penyediaan Belanjawan Peribadi

Item	RM	
Pendapatan		
Gaji	XXXX	
Faedah	XXXX	
Sewa	XXXX	
Jumlah Pendapatan		XXXXX
Potongan Wajib		
Cukai pendapatan	XXXXX	
Caruman KWSP	XXXX	
Zakat	XXX	
Perkeso	XXX	
Jumlah Potongan Wajib		XXXX
Jumlah Pendapatan Boleh Guna		XXXXX
Perbelanjaan Harian		
Petrol	XXXX	
Surat Khabar	XXXX	
Makanan dan minuman	XXXX	
Wang saku sendiri	XXXX	
Perbelanjaan Tetap		
Sewa rumah	XXXXX	
Ansuran kereta	XXXXX	
Bil elektrik dan air	XXX	
Bil telefon	XXXX	
Perbelanjaan Tidak Tetap		
Perubatan	XXXX	
Perbelanjaan Sampingan		
Hiburan	XXXX	
Derma	XXXX	
Jumlah Perbelanjaan		
Jumlah Baki (Tabungan)		- XXXX
		XXX

KONSEP TABUNGAN, PINJAMAN DAN PELABURAN**KONSEP TABUNGAN**

- sebahagian daripada PBG yang tidak dibelanjakan tetapi disimpan oleh individu

$$S = Y_d - C$$

di mana S : Tabungan
 Y_d : PBG
 C : Penggunaan/Perbelanjaan

Tujuan Tabungan

- (a) **Awasan dan kecemasan**
 - untuk menghadapi perbelanjaan luar jangka seperti kemalangan, kematian dan mendapat penyakit
- (b) **Pembelian barang tahan lama**
 - untuk membeli barang dengan harga yang lebih rendah/murah/secara tunai seperti kenderaan, perabot, pekakas elektrik
- (c) **Menambah sumber kewangan/pulangan**
 - apabila menyimpan akan menerima faedah
 - jika beli unit amanah saham akan menerima dividen
- (d) **Membiayai Pendidikan**
 - untuk melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi
- (e) **Memenuhi cita-cita tertentu**
 - seperti untuk melancong ke luar negara, menunaikan fardhu haji, mendirikan rumahtangga

Cara-Cara Menabung

- (i) **Bank Perdagangan**
 - seperti Maybank, RHB Bank, Public Bank
 - menyimpan dalam akaun simpanan, akaun simpanan tetap, sijil pelaburan
- (ii) **Bank Simpanan Nasional(BSN)**
 - menyimpan dalam simpanan tetap, GIRO, Sijil Simpanan Premium
- (iii) **Syarikat Kewangan**
 - seperti Affin-ACF Finance Berhad, Public Finance
 - membeli barang modal/beli rumah
- (iv) **Lembaga Tabung Haji(LTH)**
 - biasanya untuk membiayai perbelanjaan menunaikan fardhu haji
 - terima dividen
- (v) **Unit Amanah dan Surat Jaminan Kerajaan**
 - seperti ASB, ASDI, ASW
 - terima dividen
- (vi) **Koperasi**
 - seperti Koperasi Guru, Koperasi Peladang, MOCCIS
 - terima dividen

- (vii) **Polisi Insurans Nyawa**
- beli polisi insurans
 - terima faedah, pampasan

KONSEP PINJAMAN

- sejumlah wang yang diperoleh daripada sumber-sumber tertentu seperti saudara, ibu bapa, kawan, bank, kerajaan dan sebagainya
- dibuat untuk peminjam menambahkan keupayaan untuk berbelanja

Tujuan Pinjaman Oleh Pengguna

- (i) **Pembelian harian**
- apabila perbelanjaan melebihi pendapatan
- (ii) **Membeli barang tahan lama dan harta benda**
- untuk beli rumah dan kenderaan mahal maka perlu banyak wang
 - bagi yang tak mampu beli secara tunai terpaksa meminjam dengan bank/institusi kewangan
- (iii) **Menampung kos pendidikan**
- untuk membiayai kos pendidikan diri sendiri/anak-anak di institusi pengajian tinggi yang tinggi
- (iv) **Menampung kekurangan pendapatan semasa**
- terutama semasa kecemasan seperti kematian, kemalangan dan perkara luar jangka

Tujuan Pinjaman Oleh Pengeluar

- (i) **Memulakan perniagaan**
- tidak mempunyai wang yang cukup untuk membeli barang modal dan barang niaga
- (ii) **Menambahkan modal perniagaan**
- untuk mengembangkan perniagaan/membeli bahan mentah/membesarkan ruang niaga/menambah cawangan
- (iii) **Meningkatkan produktiviti**
- untuk beli barang modal seperti jentera, mesin
- (iv) **Mengurangkan pembayaran cukai syarikat**
- apabila lakukan pinjaman akan dikenakan bayaran faedah atas pinjaman
 - maka ia dimasukkan dalam perbelanjaan syarikat
 - ini dapat tolak keuntungan syarika

Sumber Pinjaman(i) **Bank Perdagangan**

- menawarkan pinjaman utk. membeli rumah, kilang, tanah, mengembangkan syarikat
- semua pinjaman dikenakan faedah
- menawarkan overdraf kepada pemegang akaun semasa

(ii) **Syarikat Kewangan**

- untuk membeli barang tahan lama seperti kenderaan, rumah dan barangan elektrik

(iii) **Agensi Kerajaan**

- untuk membantu kaum bumiputera menceburkan diri dalam aktiviti perniagaan
- kadar faedah yang dikenakan adalah rendah

Contoh agensi : MARA, Bank Pertanian, Bank Pembangunan dan Infrastruktur

(iv) **Syarikat Kredit Perumahan**

- tawarkan pinjaman kepada individu yang layak untuk membeli rumah
- biasanya tawarkan pinjaman kepada individu yang membeli rumah yang dibina oleh syarikat kredit pembekal

Contoh : Syarikat Perumahan Malaysia Berhad(MBSB)

(v) **Koperasi**

- untuk memberi pinjaman kepada ahli-ahlinya
- kadar faedah rendah dan tidak perlukan cagaran

Contoh : koperasi tentera, koperasi guru, koperasi kakitangan kerajaan

(vi) **Sumber Pinjaman Lain**

- saudara-mara, rakan-rakan, ibu bapa, pajak gadai, ceti, pemberi pinjaman berlesen

- pemberi pinjaman akan dibayar ganjaran faedah kerana :

(a) **Pinjaman melibatkan risiko**

- pemilik modal akan rugi apabila peminjam tidak bayar balik/muflis

(b) **Sanggup berkorban berpisah daripada kecairan**

- pemilik modal terpaksa menangguhkan perbelanjaan masa kini untuk mendapat pulangan pada masa depan

(c) **Menutup kos pengurusan/pentadbiran memungut pinjaman**

- pemilik modal perlu menjalankan aktiviti pemungutan bayaran balik ansuran pinjaman dan melibatkan kos contoh mengurus dokumen

(d) **Mengatasi masalah kejatuhan nilai wang**

- nilai wang akan jatuh bagi jangka masa panjang maka bayaran bunga akan dapat kurangkan kerugian tersebut

KONSEP PELABURAN

- ialah perbelanjaan ke atas penggunaan barang-barang modal dan penambahan stok modal yang sedia ada

Contoh : pembelian bangunan, jentera dan bahan mentah

Tujuan Pelaburan

- (i) **Untuk mendapatkan pulangan**
 - sama ada membuat pelaburan (beli unit amanah spt ASN, ASW, ASDI) atau simpanan di dalam bank
 - pulangannya berlainan di mana pulangan dalam pelaburan lebih tinggi tetapi tidak tetap
 - pulangan menyimpan dalam bank lebih rendah tetapi tetap
- (ii) **Untuk menggantikan barang modal**
 - gantikan mesin atau jentera yang telah lama digunakan dalam pengeluaran
- (iii) **Untuk meningkatkan daya pengeluaran**
 - membeli mesin, jentera dan komputer untuk menambahkan produktiviti
 - maka dapat tingkatkan pendapatan dan keuntungan

Cara-cara Pelaburan

- (a) **Pembelian aset tetap**
 - beli aset atau harta seperti tanah, rumah dan kedai semasa harganya rendah
 - boleh disewa atau dijual apabila harganya meningkat
- (b) **Pembelian barang modal**
 - peniaga membeli mesin dan jentera utk. digunakan dalam proses pengeluaran
 - maka daya pengeluaran bertambah dan keuntungan peniaga turut bertambah
- (c) **Pembelian stok bahan mentah atau barang niaga**
 - boleh tambah stok bahan-bahan mentah utk. jimatkan kos
 - akan dapat diskaun yang banyak jika beli dalam kuantiti yang besar
 - maka pengeluaran boleh ditambah dengan segera apabila permintaan meningkat
- (d) **Sumber manusia (Modal sosial)**
 - dapat dikembangkan melalui pelaburan dalam bidang pendidikan, latihan dan pengalaman
 - pekerja yang berpelajaran dan berkemahiran lebih produktif
 - maka boleh hantar pekerja menghadiri kursus dan latihan berkenaan tugas mereka
 - maka kemahiran meningkat dan produktiviti turut meningkat

Perbandingan antara pulangan daripada pelaburan dengan pulangan daripada tabungan

Aspek	Tabungan	Pelaburan
Jenis pulangan	Faedah/Dividen	Keuntungan
Risiko	Rendah dan lebih selamat	Tinggi dan tidak selamat
Pulangan	Tetap dan rendah	Tidak tetap dan tinggi
Kecairan	Mudah cair/tinggi	Tidak mudah cair/rendah
Contoh	Akaun simpanan, Saham amanah, Akaun simpanan tetap	beli aset tetap seperti rumah, tanah, jentera